



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

19 JANUARI 2021

1. Didakwa pukul dua kucing sampai mati
2. Lagi suspek akan ditahan
3. Fazura berang remaja aniaya kucing
4. Maut dalam perjalanan hantar mi
5. Wanita mengaku tak salah bunuh dua ekor kucing
6. Penternak kambing raih rezeki lumayan
7. Pukul 2 kucing sampai mati
8. Penunggang maut gagal elak lembu melintas

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Didakwa pukul dua kucing sampai mati

Broker wanita hadapi dua pertuduhan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Seorang broker wanita didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua pertuduhan memukul dua kucing sehingga mati, di Pintas Kalui, Seberang Jaya pada Disember lalu.

Bagaimanapun, Hah Choy Kheng, 51, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Choy Kheng didakwa dengan kejam memukul seekor kucing betina baka tempatan berwarna oren dan seekor anak kucing baka tempatan berwarna putih kelabu dengan sebatang besi sepanjang 75 sentimeter hingga menyebabkan kedua-dua haiwan itu mati.

Wanita itu didakwa melakukan kesalahan itu di bawah pokok berhampiran pondok berbumbung dalam kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kalui 1, Seberang Jaya pada jam 1.20 tengah

Choy Kheng tiba di Mahkamah Sesyen Butterworth, semalam.

hari pada 29 Disember lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang sabit kesalahan boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, Rozman Awang Tahrir, manakala ter-

tuduh diwakili peguam, Shamsher Singh Thind.

Norhayati kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 4 Mac ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Dalam kejadian 29 Disember tahun lalu, tertuduh dilaporkan memukul dua kucing akibat berang selepas dua haiwan itu membuang najis di hadapan rumahnya. Seekor daripada kucing yang

mati itu bunting, manakala seekor lagi parah akibat dipukul dengan sebatang besi.

Ketika kejadian dua kucing itu dilaporkan sedang makan sebelum wanita terbabit mengambil sebatang besi dalam keretanya dan memukul haiwan itu.

Kejadian disedari seorang juruteknik lelaki berusia 30 tahun yang kemudian melaporkannya kepada JPV untuk tindakan lanjut.



(Foto Danjal Saad/BH)

Isu kartel daging import

Lagi suspek akan ditahan

SPRM panggil 27 saksi, kumpul bukti lengkapkan siasatan

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Beberapa lagi individu akan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung isu kartel daging import.

SPRM dalam kenyataannya berkata, sejak 4 Januari lalu sehingga kelmarin, pihaknya sudah menahan lapan suspek dan 27 saksi bagi menyiasat kes itu.

Katanya, semua suspek yang ditahan itu membatikan pekerja syarikat, ejen pengimport serta dan pegawai kerajaan.

"SPRM menyiasat kes berkenaan mengikut Akta SPRM

Isu kartel daging import

Ejen penghantaran direman 5 hari

Mahkamah benarkan permohonan SPRM

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Ukai Mohd Hafid Farid

Keratan akhbar BH, Rabu lalu.

2009 yang menjurus kepada kesalahan menerima rasuah, mengemukakan tuntutan palsu dan kesalahan berkaitan pemalsuan dokumen.

"Buat masa ini, SPRM masih aktif menjalankan siasatan dengan menganalisis maklumat, pengumpulan bukti dan akan membuat beberapa lagi tangkapan bagi melengkapkan siasatan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

SPRM berkata, penahanan itu dibuat kelmarin oleh SPRM Johor memba-

bitkan seorang pengarah syarikat berusia 36 tahun dan suspek direman enam hari bermula semalam.

Sebelum ini media melaporkan, taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging berkenaan menggunakan logo halal serta menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia dalam serbuan bersepadu pihak berkuasa di sebuah gudang di Senai, Johor.

Fazura berang remaja aniaya kucing

Berita Selebriti

PETALING JAYA – Sekumpulan remaja bertindak di luar kawalan apabila sanggup melempar seekor kucing tanpa rasa belas kasihan.

Tindakan mereka disifatkan tidak bertanggungjawab dan berbuat demikian hanya kerana dahaga perhatian dalam media sosial.

Perbuatan kejam itu yang tular di laman sosial sejak kelmarin menarik perhatian pelakon Nur Fazura atau nama sebenarnya, Nur Fazura Shari-fuddin, 37, yang menggesa agar pelakunya dicari dan dikenakan tindakan berat.

"Remaja baling kucing mesti dicari dan tindakan berat wajib dikenakan," ciap pelakon filem *Gol & Gincu* itu.

Kelmarin, tular satu video memaparkan seorang remaja melempar seekor kucing dari lokasi tinggi dan tindakannya dirakam beberapa rakan lain.

Sehubungan itu, Persatuan Haiwan Malaysia memohon kerjasama orang ramai menyalurkan maklumat berhubung tindakan tidak bermoral itu seperti yang tular dalam

laman sosial sejak Sabtu.

Presidennya, Arie Dwi Andika berkata, kejadian dipercayai berlaku di negara ini kerana rakaman tersebut ada memaparkan kereta Perodua Myvi di lokasi kejadian.

"Kejadian disyaki berlaku di sebuah ladang di Sarawak. Orang ramai yang mengecam wajah pelaku diharap dapat tampil membuat aduan kepada polis.

"Boleh juga salurkan maklumat ke talian whatsapp MyAct Hotline 011-20901097 atau di laman web animalmalaysia.com," katanya dalam satu kenyataan menerusi Facebook.

Ujarnya, tindakan remaja itu satu kesalahan yang boleh menyebabkan kematian haiwan berkenaan dan menyalahi Akta Kebajikan Haiwan 2015.

"Masyarakat diingatkan supaya tidak menjadikan haiwan seperti kucing sebagai bahan pembikinan video hiburan untuk dimuat naik dalam media sosial seperti TikTok kerana ia perbuatan zalim," katanya.

Disember tahun lalu, seorang remaja lelaki yang memuat naik rakaman video melempar seekor kucing demi meraih perhatian di aplikasi TikTok diberkas polis.



FAZURA mahu pelaku yang melempar kucing dicari dan dihadapkan ke muka pengadilan.

Motosikal ditunggang lelaki langgar lembu melintas di Jempol

Maut dalam perjalanan hantar mi

Oleh NOR AINNA HAMZAH

JEMPOL – Niat murni seorang lelaki untuk menghantar makanan kepada kawan baiknya tidak kesampaian apabila dia maut selepas motosikal yang ditunggangnya melanggar lembu semalam.

Kejadian itu berlaku pada pukul 3.45 pagi di Kilometer 33, Jalan Bahau-Kemayan di sini.

Dalam kejadian itu, mangsa, Mohd. Shaffick Jamaludin, 40, disahkan meninggal dunia di tempat kejadian akibat parah di kepala.

Adik mangsa, Mohd. Khazal, 36, berkata, ketika kejadian, arwah abangnya dalam perjalanan dari rumah mereka di Felda Lui Muda ke Sungai Lui di sini untuk menghantar mi goreng selepas kawannya mengadu lapar.

Menurut Mohd. Khazal, arwah abangnya sempat mengejutnya pada pukul 3 pagi bagi memaklumkan mengenai perkara itu.

"Sudah dua tahun abang saya menghantar makanan kepada kawannya sejak ibu lelaki itu meninggal dunia.

"Kawannya kurang sihat, jadi



MANGSA terbaring atas jalan selepas motosikal yang ditunggang dipercayai melanggar lembu di Kilometer 33, Jalan Bahau-Kemayan, Jempol, Negeri Sembilan semalam.

dia (arwah) selalu hantarkan makanan. Semasa saya tiba di lokasi (kemalangan) mi goreng yang dibawa bertaburan atas jalan," katanya ketika ditemui di Hospital Jempol di sini semalam.

Mohd. Khazal memberitahu, dia yang mengetahui kejadian itu daripada jirannya segera ke loka-

si mendapati abangnya dalam keadaan terbaring, manakala motosikal lelaki itu rosak teruk.

Mengulas lanjut, lelaki itu memberitahu, kejadian melanggar haiwan sudah banyak kali berlaku di lokasi berkenaan dan yang terbaharu mengorbankan nyawa ahli keluarganya.

"Saya harap ada pihak yang membantu mengatasi masalah (haiwan berkeliaran) ini. Saya bimbang kejadian seperti ini akan berulang lagi," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, kejadian dipercayai berlaku apa-



MOHD. KHAZAL menunjukkan MyKad abangnya yang meninggal dunia selepas terlibat dalam kemalangan semalam.

bila motosikal jenis Yamaha yang ditunggang mangsa dipercayai melanggar seekor lembu yang melintas.

"Mangsa disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan Hospital Jempol di lokasi kejadian," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1967.

Wanita mengaku tak salah bunuh dua ekor kucing



CHOY KHENG menunggu di luar mahkamah sebelum didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth semalam.

SEBERANG PERAI – Seorang broker wanita berdepan hukuman denda sehingga RM100,000 atau penjara selepas didakwa di Mahkamah Sesyen Butterworth di sini semalam atas pertuduhan memukul dua ekor kucing betina sampai mati pada bulan lalu.

Tertuduh, Hah Choy Kheng, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Choy Kheng didakwa dengan kejamnya memukul seekor kucing betina berwarna oren dan seekor anak kucing betina berwarna putih kelabu dengan sebatang besi sehingga mati.

Kesalahan itu dilakukan pada pukul 1.20 tengah hari, 29 Disem-

ber lalu di bawah pokok berhampiran pondok di kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kalut 1, Seberang Jaya di sini.

Pendakwaan dijalankan mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum denda RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua sekali.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Pulau Pinang, Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh diwakili peguam Shamsheer Singh Thind.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak

RM10,000 dengan seorang penjamin, iaitu jumlah yang dipohon oleh Roziman dan dipersetujui oleh Shamsheer.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 4 Mac depan.

Tertuduh kemudiannya membayar wang jaminan tersebut.

Kosmo! pada 1 Januari lalu melaporkan seorang wanita ditahan reman selepas memukul dua ekor kucing sehingga mati termasuk seekor daripadanya sedang bunting, manakala seekor lagi cedera di bawah sebuah flat di Seberang Jaya.

Wanita itu dikatakan bertindak demikian kerana berang selepas mendakwa beberapa ekor haiwan tersebut kencing di hadapan rumahnya.

Muhammad Zikri mampu peroleh RM10,000 sebulan

Penternak kambing raih rezeki lumayan

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Kegagalan melanjutkan pengajian ke peringkat universiti dan hanya bergantung kepada kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tidak menghalang seorang pemuda dari Benut di sini untuk bergelar usahawan berjaya.

Malah, Muhammad Sallehuddin Mohd. Rashid, 29, kini boleh berbangga apabila memiliki jenama sendiri dikenali Salleh Dairy Farm (SDF).

Muhammad Sallehuddin menjelaskan usaha itu dimulakan selepas dia tamat persekolahan 10 tahun lalu dengan membela empat ekor kambing.

Berkat usaha gigih dan tidak pernah mengalah, anak muda itu kini mampu meraih pendapatan mencecah RM10,000 sebulan hasil jualan ternakan, daging segar serta produk tenusu.

Menurut Muhammad Sallehuddin, ladang ternakannya seluas 1.2 hektar kini mempunyai 200 ekor kambing yang ditempatkan dalam empat kandang.

"100 ekor kambing dikhas bagi tujuan sembelihan atau jualan daging segar manakala selebihnya untuk memproses susu dengan pengeluaran sebanyak 12,000 liter setahun.

"Jenis kambing yang ditenak pada awalnya baka kambing untuk daging, bebiri dan kambing tenusu di mana kami telah mempunyai kilang pemerosan



MUHAMMAD SALLEHUDDIN bersama ternakan kambing di ladangnya di Jalan Parit Ismail, Benut, Pontian.

hasil susu dengan jenama SDF," katanya ketika ditemui di Jalan Parit Ismail, Benut di sini baru-baru ini.

Tambah Muhammad Sallehuddin, syarikatnya mengeluarkan pelbagai produk susu antaranya susu kambing segar, susu kambing berperisa dan minuman kultur yang dipasarkan di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Lembah Kelang.

Jelasnya, antara susu kambing berperisa yang dikeluarkan SDF ialah susu perisa coklat, straw-

beri, jagung dan kurma yang dijual dengan harga RM5 sebotol.

"Tahun lepas kami dapat Geran Agropreneur Muda (GAM) sebanyak RM15,000 daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, kami gunakan dana itu untuk beli peralatan pempasteuran susu,"katanya.

Perusahaan itu mendapat bimbingan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan Benut, Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pontian serta Fama.

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Butterworth

Seorang broker wanita mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, atas pertuduhan memukul dua kucing sehingga menyebabkan kematian kedua-dua haiwan itu dalam kejadian di Pintas Kalui, Seberang Jaya pada Disember tahun lalu.

Pukul 2 kucing sampai mati

Broker wanita mengaku tidak bersalah

Tertuduh Hah Choy Kheng, 51, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norhayati Mohamad Yunus.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Hah didakwa dengan kejam memukul kucing betina baka tempatan berwarna oren dan anak kucing baka tempatan berwarna putih kelabu dengan besi sepanjang 75 sentimeter hingga menyebabkan

kan kedua-dua haiwan* itu mati.

Wanita itu didakwa melakukan kesalahan terbabit di bawah pokok berhampiran pondok berbumbung di kawasan padang permainan Blok B1, Pintas Kalui 1, Seberang Jaya, jam 1.20 tengah hari pada 29 Disember tahun lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 29(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pi-

nan, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam Shamsheer Singh Thind.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 4 Mac depan untuk sebutan semula kes.

Harian Metro sebelum ini melaporkan seekor kucing bunting mati manakala seekor lagi mati selepas seminggu menerima rawatan akibat dipukul dengan besi.

Ia berlaku apabila wanita terbabit dikatakan berang selepas dua haiwan itu membuang najis di hadapan rumahnya.

Kejadian disedari seorang lelaki yang kemudian melaporkan kepada JPV.



HAH mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, semalam.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin



MOHD Shaffick maut di lokasi kejadian selepas terbabit nahas di Jalan Bahau-Kemayan berhampiran Felda Sungai Lui.

Penunggang maut gagal elak lembu melintas

Jempol: Gagal mengelak lembu melintas jalan mendadak menyebabkan seorang penunggang motosikal maut tercampak sejurus merempuh haiwan peliharaan itu.

Dalam kejadian jam 3.45 pagi semalam, mangsa, Mohd Shaffick Jamaludin, 40, dikatakan menunggang motosikal berseorangan sebelum terbabit nahas di Kilometer 33, Jalan Bahau - Kemayan berhampiran Felda Sungai Lui di sini.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintendan Hoo Chang Hook berkata, siasatan awal mendapati

mangsa menunggang motosikal dari Felda Lui Muda menghala ke Sungai Lui.

"Setibanya di lokasi kejadian, mangsa gagal mengelak sebelum merempuh lembu yang melintas jalan.

"Akibatnya mangsa parah sebelum disahkan maut di lokasi kejadian. Malah, lembu yang dilanggar mangsa turut mati di lokasi sama.

"Mayat mangsa kemudian dihantar ke Hospital Jempol bagi bedah siasat. Polis masih menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.